



**Kenyataan Media  
(Untuk Siaran Segera)  
Isnin, 29 Januari 2018**

## **CADANGAN LALUAN ALTERNATIF DI JALAN PERSEKUTUAN 54 (FT 54) SEMPENA SAMBUTAN THAIPUSAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR PADA 31 JANUARI 2018**

**Kuala Selangor-Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR)** menjangkakan aliran pergerakan trafik akan bergerak perlahan menuju ke Pekan Kuala Selangor di laluan Jalan Sg.Buloh–Kuala Selangor (FT 54) selepas susur keluar **Persimpangan Ijok (Exit 2501) menuju ke Kuil Sri Subramaniam Swamy di Kuala Selangor bersempena dengan sambutan Thaipusam pada hari Rabu, 31 Januari 2018.** Acara kemuncak dijangka bermula jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengah hari.

Oleh yang demikian, pihak LATAR ingin mencadangkan laluan alternatif bagi melancarkan perjalanan para pengguna lebuhraya LATAR menuju ke Kuala Selangor. Pengguna boleh melalui laluan alternatif dengan menggunakan Jalan Saga, Ijok. Jalan Saga terletak hanya 800 meter dari susur keluar Lebuhraya LATAR ke Kuala Selangor (arah ke Sg. Buloh). Jalan Saga–Jalan Rawang melalui Kampung Kuantan dan Kampung Sepakat terus menuju ke Kuala Selangor. Laluan ini adalah laluan alternatif ke Kuala Selangor tanpa melalui Simpang Tiga Assam Jawa.

Pihak LATAR mencadangkan para pengguna merancang perjalanan anda dan dapat menggunakan laluan alternatif ini bagi mengelakkan kesesakan semasa sambutan Thaipusam di Kuil Sri Subramaniam Swamy. Pihak polis trafik akan turut membantu para pengguna bagi memastikan kelancaran lalulintas.

Berikut merupakan lakaran laluan alternatif bagi kemudahan para pengguna.



-tamat kenyataan-

### Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Surati Sujor (013-2660207) / Hairunnisa Kastolany (012-6881587).